

COLDTACT CAPSULE

Paracetamol / Chlorpheniramine Maleate (500mg / 2mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Coldtact Capsule
2. Bagaimana Coldtact Capsule berfungsi
3. Sebelum mengambil Coldtact Capsule
4. Cara mengambil Coldtact Capsule
5. Semasa mengambil Coldtact Capsule
6. Kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan pelupusan Coldtact Capsule
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Coldtact Capsule

Coldtact Capsule digunakan untuk melegakan simptom selesema dan alergi termasuk demam, sakit kepala, sakit badan, sakit sinus, hidung berair, bersin, mata yang gatal dan berair.

Bagaimana Coldtact Capsule berfungsi

Coldtact Capsule mengandungi 2 ramuan aktif. Paracetamol merupakan sejenis ubat yang termasuk dalam kategori analgesia dan antipiretik yang dijadikan ubat penahan sakit dan penurunan panas. Chlorpheniramine Maleate adalah antihistamin yang digunakan untuk melegakan gejala alahan, demam dan selesema biasa.

Sebelum mengambil Coldtact Capsule

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil produk ini jika anda alergi (hipersensitiviti) terhadap Paracetamol, Chlorpheniramine Maleate atau bahan-bahan lain yang terkandung dalam produk ini.

- Sebelum mula mengambil

Tidak boleh digunakan untuk kanak-kanak di bawah 2 tahun. Perhatian dan nasihat doktor / ahli farmasi perlu diambil apabila berikan pada kanak-kanak berumur 2 hingga 6 tahun. Perhatian harus diambil untuk pengguna yang mempunyai penyakit buah pinggang atau penyakit hati atau kecanduan alkohol. Perhatian harus diambil untuk individu dengan penyakit mata, masalah ulser peptic, pembesaran prostatik atau kesukaran kencing.

- Jika mengambil ubat-ubatan lain

- Warfarin (mengurangkan pembekuan darah)
- Metoclopramide (membantu mencegah refluks asid)
- Phenytoin (perangsang enzim)
- Ubat antimuskarinik (menyekat pengecutan pundi kencing)
- Propantheline (mengurangkan rebusan asid gastrik)
- antidepresan dengan sifat antikolinergik dan analgesik narkotik.
- alkohol dan agen anticonvulsant
- Probenecid (mencegah gout)
- Chloramphenicol (antibiotik)
- Colestyramine (menghalang reabsorpsi)
- Depressants sistem saraf pusat (mis. Alkohol, sedatif, analgesik opioid, hipnotik)
- Atropin, inhibitor monoamine oxidase (MAOIs) dan antidepresan tricyclic (TCAs)

Cara mengambil Coldtact Capsule

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak melebihi 12 tahun:

Ambil 2 kapsul setiap 4 hingga 6 jam.

Jangan melebihi 8 kapsul sehari.

Kanak-kanak 7 hingga 12 tahun:

Ambil 1 kapsul setiap 4 hingga 6 jam.

Jangan melebihi 4 kapsul sehari.

Tidak disyorkan untuk kanak-kanak di bawah 7 tahun.

- Berapa lama perlu diambil

Sila mengikuti nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa ambil Coldtact Capsule, ambilkannya secepat mungkin apabila anda teringat. Jangan cuba beri dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

- Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Sekiranya terambil berlebihan, rawatan khusus yang tepat adalah penting. Sila menghubungi Pusat Racun Negara (1800 888 099) atau doktor anda, ataupun pergi ke unit kecemasan hospital yang terdekat secepat mungkin.

Semasa mengambil Coldtact Capsule

- Perkara yang perlu dilakukan

Rujuk doktor jika demam terus selama lebih dari 3 hari atau sakit terus selama lebih daripada 10 hari atau jika terdapat kemerahan.

Perhatian harus diambil untuk individu yang mempunyai masalah ginjal atau hati atau kecanduan alkohol.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Sediaan ini mengandungi Paracetamol. Jangan mengambil sediaan lain yang juga mengandungi Paracetamol pada masa yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini boleh menyebabkan rasa mengantuk. Jika terjejas, jangan memandu atau beroperasi jentera. Elakkan minuman beralkohol.

Kesan Sampingan

Tanda alahan: Paracetamol boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk termasuk kemerahan kulit, lepuh atau ruam. Ini boleh menjadi tanda-tanda keadaan serius. Jika tindak-balas ini berlaku, berhenti menggunakannya dan dapatkan rawatan segera.

Kesan Central nervous system Chlorpheniramine Maleate termasuk tidakan menenangkan, kelesuan, pening dan ketakselaran.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov.my (Consumer → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Coldtact Capsule

- Penyimpanan

- Simpan di bawah 30°C.
- Jauhkan daripada cahaya.
- Tutupkan botol dengan ketat.
- Jauhkan daripada capaian kanak-kanak

- Pelupusan

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput. Tarikh luput selalunya dicetak pada label dan kotak ubat.

COLDTACT CAPSULE

Paracetamol / Chlorpheniramine Maleate (500mg / 2mg)

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Coldtact Capsule adalah kapsul gelatin keras berwarna merah dan asli # 0 yang mengandungi granul triwarna berwarna putih, oren dan merah.

- Bahan-bahan

- Bahan-bahan aktif

Setiap kapsul mengandungi Paracetamol 500mg, Chlorpheniramine Maleate 2mg

- Bahan-bahan tidak aktif

Povidone K30, Quinoline Yellow, Sunset Yellow, Ponceau 4R

- Nombor MAL:

MAL08051763AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Winwa Medical Sdn Bhd
1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3,
Taman I.K.S. Bukit Minyak,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

26/07/2022

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)190719/00198